

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 24 / 12 / 2007

2008 lebih mencabar buat Malaysia

Um- 24 / 12 / 2007

PUTRAJAYA 23 Dis. - Tahun 2008 dijangka mencabar buat Malaysia mengekalkan pertumbuhan ekonominya dan dalam masa yang sama memastikan ia kompetitif dalam pasaran antarabangsa berikutan ketidakseimbangan global.

Pengarah Eksekutif Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER), Profesor Emeritus Datuk Dr. Mohamed Ariff Abdul Karim berkata ekonomi dunia kini melalui titik perubahan yang besar, dengan ketidakseimbangan semakin meluas.

Ekonomi Amerika Syarikat (AS) sedang melalui perseimbangan semula, dengan belanjawannya dalam keadaan defisit dan ketidakseimbangan perdagangan yang besar, yang dicerminkan melalui imbangan bayaran akaun semasa yang besar, katanya.

Beliau berkata, senario paling buruk ialah berlaku kemelesetan di AS, seperti yang diyakini oleh beberapa pihak.

Dengan mengandaikan ekonomi AS perlahan, pada kadar kurang daripada dua peratus dan mampu mengekang masalah depositnya dengan menurunkannya kepada bahagian yang boleh diurus, ekonomi Malaysia mampu berkembang pada kadar 5.4 peratus tahun depan, katanya.

"Kami berharap perseimbangan semula mungkin berlaku pada 2008 dan itulah masa keadaan ekonomi AS akan berada pada tahap paling perlahan," katanya.

Dan dalam kes paling buruk, dengan AS

mengalami kemelesetan, iaitu mencatatkan pertumbuhan negatif bagi dua suku berturut-turut, ia akan membawa kesan negatif ke atas Asia Timur secara amnya dan China khususnya, kata Mohamed Ariff.

"Itu sebab kita bimbang bahawa keseluruhan Asia Timur mungkin terpaksa menanggung akibatnya," katanya dalam satu temubual di sini.

Asia Timur tidak sepenuhnya terpisah daripada hubungan langsung dengan AS, katanya.

"Memang benar bahawa negara-negara Asia Timur lebih banyak berdagang sesama mereka. Jumlah perdagangan antara Asia kini kira-kira 60 peratus, namun ia tidak bermakna Asia Timur selamat.

"Jika anda lihat pada komposisi dagangan, kira-kira 60 peratus sebenarnya melibatkan barangan pengantara, komponen dan alat ganti.

"Destinasi akhir sebenarnya di luar rantau itu," katanya.

Mohamed Ariff berkata, jika sesuatu berlaku kepada AS, ia akan memberi kesan kepada China, Korea, Taiwan, Jepun, Malaysia, Thailand dan lain-lain, kerana tahap pendehannya.

China sebagai contoh, mempunyai rizab berjumlah AS\$1.4 trilion, manakala Jepun kira-kira AS\$900 billion dan secara gabungan Asia Timur mempunyai rizab berjumlah bertrillion dalam mata wang dolar.

Mohamed Ariff bagaimanapun menekankan bahawa "keadaan itu adalah andaian



DR. MOHAMED ARIFF

situasi paling buruk, namun saya harap AS tidak akan menghadapi kemelesetan."

Bank Dunia telah mengurangkan unjuran pertumbuhan bagi AS kepada 1.9 peratus tahun depan.

Beliau berkata, negara yang bergantung kepada perdagangan dan mempunyai pasa-

ran domestik yang kecil akan lebih mudah terdedah.

Negara besar seperti China dan India yang mempunyai pasaran domestik yang besar serta Jepun, mampu mengatasinya dan tidak menghadapi banyak masalah.

Bagi Malaysia, pasaran domestiknya semakin meningkat serta lebih berdaya tahan dan walaupun ekonomi AS berkembang pada tahap yang lebih perlahan, ekonomi Malaysia masih berkembang pada tahap yang dihormati dan inisiatif kerajaan dalam membangunkan kawasan pertumbuhan ekonomi akan membantunya mencergaskan ekonomi selain meningkatkan permintaan domestik.

Menjelang 2009, beliau berkata, Malaysia akan berada dalam kedudukan yang lebih baik "begitu juga dengan ekonomi dunia kerana perseimbangan semula akan berlaku tahun depan," katanya.

Bagi AS dan ekonomi dunia untuk pulih, ekonomi Malaysia dijangka melantun pada 5.7 peratus menjelang 2010, dan selepas itu akan sepatutnya berkembang pada kadar yang lebih cepat iaitu lebih enam peratus setahun, katanya.

"Tempoh jangka pendek agak kurang menarik namun tidak perlu dibimbangi, ia tidak mempunyai aliran menaik namun jika kita bandingkan Malaysia dengan negara lain seperti Singapura, Thailand dan lain-lain, saya rasa pertumbuhan ekonomi kita lebih selesa," katanya.

Salah satu daripada faktornya ialah harga minyak. Beliau berkata: "Apa yang menyebabkan AS melalui kemelesetan bukan kerana perseimbangan semula atau ketidakseimbangan, tetapi harga minyak yang tinggi."

Jika harga minyak terus tinggi, ia akan menjejaskan banyak negara, namun Malaysia sebagai negara pengeksport minyak, kesannya bercampur-campur.

"Sebagai pengeksport, kita mendapat manfaat dan sebagai pengimport, kita juga rugi, namun kita masih negara pengeksport.

Namun subsidi boleh meningkat dan sebaliknya kesan inflasi turut dibimbangi kerana nilai ringgit semakin tinggi, kata Dr Mohamed Ariff.

Beliau berkata jika dolar susut, ringgit akan meningkat.

Jika produktiviti semakin meningkat dan kos dapat diturunkan, "kita akan dapat mengimbangi kesan peningkatan kadar tukaran mata wang, oleh itu eksport kita akan terus kompetitif," katanya.

"Namun penyelamatnya di sini ialah bukan sahaja ringgit meningkat, malah semua mata wang lain di rantau ini juga akan meningkat, termasuk yuan China, baht Thai, peso Filipina, dolar Singapura, dolar Taiwan dan won Korea."

Beliau berkata, jika semua mata wang meningkat, daya saing Malaysia dengan negara-negara Asia Timur lain tidak akan teruk terjejas.

- Bernama